

# Mahkamah tolak rayuan Anwar dengan kos

BH 10 DEC 2000

KUALA LUMPUR: Mahkamah Rayuan semalam mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman malu Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menuntut ganti rugi RM100 juta daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung kenyataan Perdana Menteri yang didakwa memfitnahnya.

Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, yang berunding bersama Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mokhtar Sidin dan Denis Ong, sehubungan itu menolak rayuan Anwar dengan kos.

Ahmad Fairuz sebagai Hakim Mahkamah

Rayuan ketika mendengar rayuan itu, berkata Mokhtar tidak dapat hadir semalam tetapi keputusan yang diputuskan itu adalah sebulat suara.

Mahkamah Rayuan mendengar rayuan itu pada 15 Ogos lalu dan semalam Ahmad Fairuz yang menulis penghakiman itu membacanya di depan peguambela Anwar dan Dr Mahathir.

Anwar yang tidak hadir di mahkamah ketika keputusan itu dibacakan, merayu keputusan Hakim Datuk Kamalanathan Ratnam yang membatalkan saman malunya selepas membenarkan permohonan Dr Mahathir pada 30 Ogos

tahun lalu.

Dalam penghakiman itu, Ahmad Fairuz berkata: "Bagi meneruskan kes saman malu itu adalah jelas menyalahgunakan proses mahkamah...jika hakim perbicaraan enggan menggunakan budibicaranya untuk membatalkan saman itu, mahkamah ini akan memutuskan tindakan hakim itu adalah salah dan memerintahkan saman itu dibatalkan".

Beliau berkata, dakwaan Anwar dalam saman malu itu bahawa Dr Mahathir memfitnahnya adalah "jelas tidak kukuh".

Katanya, adalah jelas Dr Mahathir mempu-

nyai perlindungan bersyarat dan menggunakan pembelaan wajar ketika mengeluarkan kenyataan yang didakwa memfitnah Anwar.

Beliau berkata, mahkamah juga tidak ingin untuk mengganggu keputusan hakim perbicaraan bahawa Dr Mahathir mempunyai perlindungan bersyarat ketika mengeluarkan kenyataan itu.

Katanya, selepas meneliti keputusan itu mahkamah mendapati hakim berkenaan tidak melakukan kesalahan apabila membuat kesimpulan tidak ada niat jahat dalam pemikiran Dr Mahathir ketika menurut perkataan berkenaan.